

27/11/1998

Keidanren kemuka permintaan Malaysia

Wan Sabariah Shikh Ali

PERSEKUTUAN Pertubuhan Ekonomi Jepun (Keidanren) akan mengemukakan permintaan Malaysia kepada kerajaan negara itu supaya pengagihan bantuan kewangan berjumlah AS\$2 bilion (RM7.6 bilion) dipercepatkan.

Pengerusi Keidanren, Takashi Imai, berkata pakej itu meliputi AS\$1.5 (RM5.7 bilion) bilion adalah bantuan kepada lapan projek manakala AS\$0.5 bilion (RM1.9 bilion) lagi untuk pembiayaan perdagangan.

Menurutnya, perundingan mengenai pakej bantuan itu berlangsung sejak Mei lalu dan ia perlu disegerakan.

Bercakap ketika sidang akhbar pada akhir lawatan dua hari ke Kuala Lumpur semalam, Imai berkata, hasil kunjungan itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Keizo Obuchi, Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun.

Malaysia adalah destinasi ke enam yang dikunjungi Keidanren bagi meninjau kesan kegawatan ekonomi di rantau ini dan membincangkan langkah menanganinya.

Keidanren sebelum ini melawat Vietnam, Thailand, Filipina, Hong Kong dan Indonesia.

Semalam, rombongan itu mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Keidanren adalah badan bukan kerajaan yang berpengaruh di Jepun.

Menurut Imai, semua negara yang dikunjungi mengemukakan gesaan supaya Jepun berbuat sesuatu bagi mempercepatkan pemulihan ekonominya.

"Oleh kerana menjadi tanggungjawab Jepun memulihkan ekonominya, lawatan kami bertujuan menerangkan dan meningkatkan kefahaman negara Asia mengenai usaha yang sudah dibuat ke arah pemulihan.

"Dengan turut mengambil kira inisiatif Jepun untuk Asia, kami akan menimbang bentuk kerjasama yang boleh ditawarkan masyarakat perniagaan Jepun dan dari sudut perniagaan, apakah gesaan yang kami boleh utarakan kepada kerajaan," katanya.

Menurut Imai, dalam pertemuan dengan Dr Mahathir dua perkara utama dibincangkan iaitu langkah kawalan tukaran asing yang dilaksanakan Malaysia dan keadaan politik negara ini.

Imai berkata, Perdana Menteri menjelaskan secara terperinci kesan kawalan itu dan kejayaannya setakat yang boleh disaksikan menerusi peningkatan pasaran saham, pertambahan rizab negara dan kestabilan mata wang.

Katanya, Dr Mahathir turut mengulangi kenyataannya bahawa kajian semula terhadap kadar tukaran ringgit sentiasa dijalankan dan ia bukan bersifat kekal.

Imai juga menyatakan keyakinan bahawa keadaan semasa di Malaysia berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri tidak akan menjejaskan kestabilan politik jangka panjang.

(END)